

DANA KEDWIBAHASAAN
LEE KUAN YEW

Intan gesa memanfaatkan terus

Seru dikemuka lebih banyak usul cara ajar bahasa ibunda di prasekolah agar dapat sokongan dana

Oleh NUR DHUHA ESOOF
nurdhuha@sph.com.sg

SARANAN dan inisiatif bernas bagi pengajaran bahasa ibunda di prasekolah masih diperlukan agar Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew dapat terus dimanfaatkan.

Anggota jawatankuasa publisiti dan jangkauan dana itu, Dr Intan Azura Mokhtar, berkata saranan-saranan tersebut harus dapat menjangkau seramai mungkin orang, lebih-lebih lagi golongan muda, bagi memastikan rasa cinta terhadap bahasa ibunda tidak pudar.

“Dana kedwibahasaan ini adalah satu pendekatan dari bawah ke atas bagi menyokong anggota masyarakat yang mempunyai saranan mengenai cara-cara menggalak penggunaan bahasa ibunda melalui penyaluran dana.

“Dana yang diperlukan untuk menghasilkan projekprojek ini sudah tersedia. Apa yang diperlukan ialah idea dan inisiatif yang boleh dilaksanakan dengan berjaya,”



BAHASA IBUNDA BERPERANAN BESAR: Dr Intan menekankan bahasa ibunda berperanan besar dalam menentukan identiti dan asal usul seseorang dan bukan sekadar mata pelajaran di sekolah yang pelajar perlu lulus. – Foto fail

ya,” kata Dr Intan ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut Dr Intan, kebimbangan bahawa bahasa Inggeris akan menjadi bahasa lebih penting berbanding bahasa ibunda di kalangan generasi muda akan sentiasa wujud.

“Memang benar bahasa Inggeris adalah bahasa penting kerana ia bahasa rasmi di tempat kerja.

“Tetapi, sangat menyedihkan jika pelajar melihat bahasa ibunda sekadar sebagai mata pelajaran yang mereka harus lulus dalam peperiksaan.

“Ini kerana bahasa ibunda mempunyai peranan yang lebih besar, iaitu ia menentukan identiti dan asal usul kita.

“Jika anak-anak muda kita kurang menggunakan bahasa ibunda pada masas depan, apakah akan terjadi kepada generasi selanjutnya?” kata Dr Intan.

jutnya?” kata Dr Intan.

Dana Dwibahasa Lee Kuan Yew ditubuh pada November 2011 bagi menyokong usaha Kementerian Pendidikan (MOE) dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dan bahasa ibunda.

Ia kini berjumlah sekitar \$119 juta hasil sumbangan dan ikrar orang ramai serta penjualan buku yang ditandatangani mantan perdana menteri Lee Kuan Yew dan geran padanan daripada pemerintah.

Sebagai permulaan, dana itu ditumpu pada inisiatif di peringkat prasekolah bagi membina persekitaran yang menyokong pembelajaran kanak-kanak.

Julai lalu ia menjemput orang ramai menyumbang saranan dan idea bagi mempromosikan kedwibahasaan di kalangan kanakkanak peringkat prasekolah.

Meskipun permohonan masih dibuka, 10 projek telah diluluskan sejauh ini bagi mendapat sokongan daripada dana itu, yang akan menyalurkan \$1.6 juta sepanjang dua tahun kepada pertubuhan, syarikat dan individu yang menjalankan projek-projek tersebut.

Antara yang diluluskan ialah projek buku cerita bergambar dwibahasa dalam bahasa Melayu dan Inggeris tulisan bersama Cik Rilla Melati Bahri dan Cik Sharon Ismail.

Buku cerita itu akan diterbitkan oleh Mini Monsters, cabang pendidikan syarikat Dua M Pte Ltd yang ditubuhkan Cik Rilla bersama personaliti Encik Najip Ali.